



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Travelogue - Kembara Jejak Rasul di Amman-Baitulmaqdis.”

Tarikh : 20 Disember 2021

Pengacara Majlis : Cik Salmah binti Mahmood

Bacaan Doa : Encik Muizzuddin bin Muhammad

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini, Encik Zaidi bin Haji Mohmod, Penolong Pendaftar Kanan dari Bahagian Pentadbiran telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Travelogue - Kembara Jejak Rasul di Amman-Baitulmaqdis.”

Ringkasannya adalah berkaitan dengan lawatan Encik Zaidi selama 8 hari 6 malam pada tahun 2015 ke bumi Anbiya bagi melihat kesan-kesan sejarah yang ditinggalkan oleh para rasul. Beliau telah berkesempatan melawat beberapa tempat bersejarah seperti Kota Petra. Petra ialah kota yang bersejarah dan arkeologi yang terletak di Ma’an, Jordan. Petra terkenal dengan gaya senibina potongan batu dan sistem saluran air.

Makan Ashabul Kahfi terletak di Jordan yang menceritakan tentang beberapa orang pemuda bersama anjing yang tertidur di dalam gua selama 309 tahun kerana melarikan diri dari dikejar oleh tentera raja untuk dibunuh. Demi menjaga iman mereka telah bersembunyi di dalam gua dan apabila terjaga telah melihat suasana persekitaran yang sangat berbeza berbanding zaman dahulu.

Wadi Musa ialah lembah Musa. Dahulunya, lembah ini merupakan tempat Nabi Musa memukul tongkat pada batu dan terpercik air untuk kegunaan pengikutnya di tapak lembah Musa.

Makam dan masjid Nabi Shuib juga terletak di Jordan. Bapa Nabi Shuib adalah dari keturunan Nabi Ibrahim manakala ibunya dari Nabi Lut. Baginda diutuskan oleh Allah ke negeri Madyan.

Laut mati pula ialah tasik yang termasin di dunia, terletak di sempadan Jordan dan Tebing Barat. Laut masin terjadi dari perbuatan keji kaum Nabi Lut.

Jerash ialah bandar kedua terbesar selepas ibu negara Amman, merupakan sebuah kota metropolitan di zaman pemerintahan Rom. Jericho ialah kota tertua yang terletak di Tebing Barat, Palestin, berdekatan dengan Sungai Jordan. Kota ini masih dalam keadaan cantik walaupun 50% infrastruktur kota ini musnah akibat gempa bumi.

Perkara utama dalam lawatan tersebut ialah melawat Baitulmaqdis yang terletak di Timur Tengah. Kota ini merupakan kota suci ketiga bagi umat Islam. Pada bahagian bawah Masjidil Aqsa dikuasai oleh rejim Zionis yang mahu mencari Kauh Sulaiman manakala bahagian atas adalah milik Palestin. Batu terapung pula terletak di Masjidil Sakhrah ialah tempat Nabi Muhammad S.A.W berdiri ketika peristiwa Israk Mikraj. Pada masjid ini terdapat pameran senjata, peluru yang telah diguna rejim Zionis bagi menceroboh Masjidil Aqsa. Beliau juga berpeluang melawat makam Nabi Daud di Baitulmaqdis, makam Nabi Ibrahim dan Sarah di Hebron, makam Nabi Ishak, Salman Al-Farisi, Nabi Yaakub, Nabi Musa dan Nabi Yusuf di Palestin.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

Zaidi Haji Mohmod JTN Sally Mahmood muizzuddin Muhammad marzuqi muhammad Abdul Razak Abd Waha

TRAVELOGUE
KEMBARA JEJAK RASUL DI AMMAN- BAITULMAQDIS (14 Februari 2015)
 20 Disember 2021 (15 Jamadil awal 1443H)

<http://www.staff.blog.utm.my/zaidi:nomhod/>

09:04 / 48:02 +33

Zaidi Haji Mohmod JTN Sally Mahmood muizzuddin Muhammad marzuqi muhammad Abdul Razak Abd Waha

UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Kesan Sejarah dari Al Quran - Makam Ashabul Kahfi, Jordan

www.utm.my inovatif • entrepreneurial • global

14:43 / 48:02 +37

Zaidi Haji Mohmod JTN Sally Mahmood muizzuddin Muhammad marzuqi muhammad Abdul Razak Abd Waha

UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Kesan Sejarah dari Al Quran - PETRA, Jordan

- **Petra** (Greek "πέτρα" (petra), bermaksud *batu*; Arab: البتراء, *Al-Batrā*) adalah sebuah kota bersejarah dan arkeologi yang terletak di Ma'an, Jordan. Petra terkenal dengan gaya senibina potongan batu dan sistem saluran air. Nama lain bagi kota ini adalah Kota Mawar kerana warna batu yang diukir.
- Ditubuhkan mungkin seawal 312 SM sebagai ibu kota bagi Nabatea, menjadi simbol kepada negara Jordan dan menjadi kawasan tarikan ramai pelancong. Petra terletak di cerun Gunung al-Madhbah (dikenal pasti oleh sesetengah pihak sebagai Gunung Hor) di lembangan antara pergunungan yang membentuk sisi timur Arabah (Wadi Araba), lembah besar yang merentang dari Laut Mati ke Teluk Aqaba. Petra telah dipilih sebagai Tujuh Keajaiban Baru Dunia pada tahun 2007 dan Tapak Warisan Dunia sejak tahun 1985. Petra juga dipilih oleh BBC sebagai satu daripada "40 tempat yang anda mesti lihat sebelum mati".
- Tapak ini tidak diketahui oleh Dunia Barat sehingga tahun 1812, apabila diperkenalkan oleh seorang penjelajah Switzerland Johann Ludwig Burckhardt. Diperincikan sebagai "*a rose-red city half as old as time*" oleh seorang pemenang soneta Hadiah Newdigate iaitu John William Burgon. UNESCO memperincikannya sebagai "satu harta budaya paling berharga dari warisan kebudayaan manusia."

www.utm.my inovatif • entrepreneurial • global

12:05 / 48:02 +36